



WAN ISMAIL WAN YUSOH (empat dari kiri) menyerahkan replika cek RM50,000 kepada Dr. Noor Azlan Ghazali pada majlis penyerahan zakat Bank Islam (M) Berhad 2016 di UKM, Bangi, semalam. - UTUSAN/MD. SHAHJEHAN MAAMIN

Bank Islam komited biaya projek IPT



Ini kerana kami telah membangunkan sistem pembayaran yang mengikuti kehendak universiti

WAN ISMAIL WAN YUSOH
Penasihat
Perniagaan
Bank Islam

KUALA LUMPUR 20 Jun - Bank Islam Malaysia Berhad terus komited menawarkan perkhidmatan pembiayaan kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terutama IPT awam, untuk menjalankan projek komersial yang boleh menjana keuntungan kepada universiti tersebut.

Penasihat Perniagaan Bank Islam, Datuk Wan Ismail Wan Yusoh berkata, pihak bank sedia membiayai projek seperti membangunkan pusat beli-belah berdekatan dengan kampus pelajar mahupun pembinaan perumahan.

Katanya, penglibatan IPT ke segmen komersial itu disifatkan sebagai aktiviti yang bukan sahaja menguntungkan malah

BANK ISLAM

memberi impak positif kepada pembangunan ekonomi negara.

“Selain pembiayaan, produk kewangan Bank Islam yang lain sememangnya ideal buat para pelajar universiti meliputi proses membayar yuran.

“Ini kerana kami telah membangunkan sistem pembayaran yang mengikuti kehendak universiti,” katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian zakat perniagaan Bank Islam di sini hari ini. Yang turut hadir, Naib Canselor **UKM**, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali.

Pada tahun ini, Bank Islam memperuntukkan sumbangan zakat kira-kira RM3.5 juta hingga RM4 juta dan RM1 juta daripada itu akan disalurkan kepada universiti.

Bank Islam hari ini menyerahkan sumbangan zakat sebanyak RM50,000 kepada UKM bagi membantu warga universiti tersebut yang memerlukan.

Sehingga kini, terdapat lebih kurang 21 jenis bantuan yang disediakan oleh unit zakat kepada warga UKM.

Bagi tahun 2015 sahaja, jumlah agihan yang telah diberikan adalah sebanyak RM3.7 juta kepada lebih 6,000 orang penerima berbanding agihan bagi tahun 2014 berjumlah RM3.2 juta.